

Dana Hutan yang Mampu Mengubah Dunia

Oleh Tharma Pillai, Greenpeace Malaysia

Ketika banjir semakin kerap, jerebu menebal, dan gelombang haba melanda kota-kota di Asia, satu persoalan semakin mendesak: siapakah yang harus membayar untuk memastikan kelangsungan bumi? Minggu lalu, di Sidang Kemuncak Pemimpin COP30 di Belém, Brazil, satu jawapan baharu telah diperkenalkan: *Tropical Forest Forever Facility (TFFF)*. Sebuah dana global yang berani dan berpotensi menjadikan hutan yang terpelihara lebih bernilai daripada hutan yang dimusnahkan.

TFFF, yang pertama kali dicadangkan oleh Brazil dan dilancarkan secara rasmi di Sidang Kemuncak COP30 di Belém minggu lalu, diwujudkan bagi menutup jurang besar dalam pembiayaan iklim. Selama beberapa dekad, negara-negara seperti Malaysia, Indonesia dan Filipina telah diminta untuk mengekalkan hutan demi kesejahteraan dunia, namun hanya menerima sebahagian kecil daripada sokongan kewangan yang sepatutnya. TFFF berhasrat memperbetulkan ketidakseimbangan ini dengan menyalurkan pembiayaan jangka panjang yang besar ke arah perlindungan hutan yang disahkan di negara-negara Selatan Global.

Model baharu pembiayaan hutan global

Secara asasnya, TFFF berfungsi sebagai kemudahan pembiayaan campuran global (*blended-finance facility*). Negara-negara kaya akan menyumbang kira-kira AS\$25 bilion sebagai modal awalan awam, yang kemudiannya akan menarik pelaburan tambahan sebanyak AS\$100 bilion daripada pelabur swasta seperti dana pencen dan dana kekayaan berdaulat. Ini akan mewujudkan dana jangka panjang bernilai kira-kira AS\$125 bilion; satu instrumen kewangan yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha mengekalkan hutan daripada dimusnahkan.

Berbeza dengan perdagangan kredit karbon atau *offsets*, TFFF akan melaburkan modal ini secara global dan menggunakan hasil tahunan untuk membayar negara-negara hutan tropika yang berjaya melindungi hutan mereka. Pembayaran ini, yang dianggarkan berjumlah sekitar AS\$4 bilion setahun, akan dikaitkan dengan hasil pemuliharaan yang disahkan dan pemantauan data terbuka. Dengan kata lain, negara akan dibayar bukan atas janji, tetapi atas bukti.

Paling penting, TFFF turut memperkenalkan mekanisme capaian langsung bagi komuniti Orang Asal dan masyarakat tempatan, yang selama berabad-abad telah menjaga dan mengurus hutan tetapi jarang menerima ganjaran atau kuasa membuat keputusan yang sewajarnya. Jika dilaksanakan dengan berintegriti, TFFF boleh menjadi model kewangan pertama di dunia yang benar-benar menghubungkan pulangan ekonomi dengan keadilan ekologi.

TFFF juga menandakan pembetulan yang telah lama tertangguh dalam pembiayaan iklim global, di mana negara-negara hutan tropika sering bergelut untuk menjadikan hutan yang berdiri lebih bernilai daripada tanah yang digondol. Peruntukan untuk pembiayaan terus kepada komuniti Orang Asal dan masyarakat tempatan merupakan langkah penting tetapi hanya bermakna jika dilaksanakan dengan telus dan saksama.

Cabaran yang masih wujud

Namun, TFFF masih berdepan kekurangan dalam reka bentuknya. Cadangan semasa berisiko mengutamakan bayaran kepada pelabur berbanding hasil pemuliharaan di lapangan, dan menyediakan perlindungan yang terhad terhadap aktiviti berisiko seperti pembalakan industri atau perluasan pertanian besar-besaran. Bagi memastikan TFFF menjadi alat yang sah untuk melindungi iklim dan biodiversiti, kelemahan ini mesti ditangani sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya.

Kemaskini reka bentuk terkini menunjukkan kemajuan dalam aspek ketelusan dan penyertaan komuniti Orang Asal, namun piawaian alam sekitar dan kewangan yang lebih kukuh masih diperlukan. TFFF perlu memastikan bahawa semua pembiayaan adalah tambahan kepada komitmen iklim dan biodiversiti sedia ada, bahawa kriteria kelayakan menolak sebarang bentuk kemerosotan hutan, dan bahawa dana disalurkan terus kepada mereka yang melindungi hutan setiap hari.

Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyatakan sokongan rasmi Malaysia terhadap pelancaran TFFF, beberapa persoalan utama masih belum terjawab. Dan rakyat Malaysia wajar memainkan peranan dalam membentuk bagaimana dana global ini akan memberi kesan terhadap hutan, komuniti dan masa depan negara.

Mengapa peranan Malaysia penting

Bagi Malaysia, TFFF bukan sekadar satu lagi inisiatif iklim global. Ia adalah peluang untuk menghubungkan perlindungan hutan negara dengan pembiayaan antarabangsa jangka panjang, serta membuktikan bahawa pemuliharaan boleh dilakukan dengan cara yang adil dan berdaya ekonomi. Hutan hujan kita antara yang paling kaya biodiversitinya di dunia, namun terus berdepan ancaman pencerobohan, pembalakan dan tadbir urus yang berpecah antara kerajaan persekutuan dan negeri.

Malaysia kini terlibat dalam perbincangan teknikal yang akan menentukan hala tuju fasa seterusnya TFFF. Dengan dana ini telah dilancarkan, peranan Malaysia perlu beralih daripada sekadar menyokong kepada memimpin, memastikan reka bentuknya menegakkan prinsip ketelusan, keadilan dan hak Orang Asal dari peringkat awal lagi. Kerajaan boleh menunjukkan kepimpinan serantau dengan menetapkan piawaian kelayakan yang jelas, laporan awam yang telus dan penglibatan masyarakat dalam pemantauan hutan.

Kini masa untuk bergerak daripada kenyataan sokongan umum kepada tindakan konkrit. Malaysia perlu menerbitkan pelan hala tuju untuk penyertaan dalam TFFF, menjelaskan bagaimana dana akan disalurkan kepada komuniti Orang Asal dan masyarakat tempatan, serta membuka ruang perundingan dengan masyarakat sivil. Jika dilaksanakan dengan betul, Malaysia mampu menjadikan mekanisme global ini sebagai peluang nasional yang memberi ganjaran atas perlindungan, bukan eksploitasi, dan memperkukuh kredibiliti kepimpinan alam sekitar negara.

Haluan ke hadapan

Pelancaran TFFF adalah detik jarang yang membawa harapan dalam politik iklim global. Bukti bahawa kerjasama masih boleh dicapai apabila “paru-paru dunia” menjadi pertaruhan. Namun kerja sebenar baru sahaja bermula. Yang penting bukanlah sekuat mana negara meraikan pelancarannya, tetapi sejauh mana mereka berkomitmen untuk bertindak.

Malaysia telah mengambil langkah pertama dengan menyokong dana ini. Langkah seterusnya ialah memastikan dana ini benar-benar memberi manfaat kepada manusia dan hutan. Jika TFFF berjaya, ia bukan sahaja akan membiayai perlindungan hutan — tetapi mampu menulis semula asas ekonomi bagi kelangsungan hidup seluruh dunia.